

Ismail bersara Ketua Audit Dalam UMS

UM 8.1.14 26

KOTA KINABALU 7 Jan. - Ketua Bahagian Audit Dalam Universiti Malaysia Sabah (UMS), Ismail Abdul Jalil (**gambar**) menamatkan perkhidmatan di universiti berkenaan setelah berkhidmat selama 13 tahun.



Anak jati dari Rembau, Negeri Sembilan itu diraikan dalam satu majlis persaraan yang ringkas dan santai baru-baru ini.

Ismail telah berkhidmat dalam bidang audit selama 40 tahun, bermula sebagai kerani audit.

Beliau berkata, kerjasama rakan-rakan banyak membantunya melunaskan tanggungjawab meningkatkan integriti dan akauntabiliti.

“Semasa mula berkhidmat di UMS, saya mendapati keadaan sistem kawalan dalaman universiti sedikit terjejas, justeru, saya bertekad untuk memperbaiki kawalan dalaman seperti bayaran, terimaan dan lain-dain dalam tempoh lima tahun pertama.

“Begitupun, masih banyak lagi aspek yang harus diperbaiki. Bermula sebagai juruaudit berseorangan di universiti, kini Bahagian Audit Dalam mempunyai 11 kakitangan,” katanya.